

Asean perlu pasti sikap Australia: Ghazali

KUALA LUMPUR, Rabu — Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie berkata walaupun Asean mengalu-alukan usaha Australia sebagai 'broker yang jujur' mengenai isu Kampuchea, ia terpaksa memastikan bahawa Australia mempunyai prinsip-prinsip dan konsep-konsep yang sama.

"Walaupun ia tidak menentang tugas Australia sebagai broker, Asean tidak boleh membenarkan

Australia untuk berkompromi dalam prinsip-prinsip dasarnya yakni prinsip tidak campurtangan dan bukan agresif," kata beliau.

Asean, bagaimanapun bukannya seorang 'pemeris', Tan Sri Ghazali memberitahu peserta kursus di Kolej Kaki-tangan Kementerian Pertahanan di sebuah hotel di sini semalam.

Beliau berkata Asean masih menantikan penjelasan daripada Perdana

Menteri Australia, Encik Bob Hawke mengenai isu itu. Encik Hawke dijangka memulakan lawatannya ke negara Thai Sabtu ini.

"Kami kemudiannya akan mengadakan dialog rasmi," kata Tan Sri Ghazali lagi.

Ketegangan antara kedua-dua pihak itu bermula setelah Australia enggan menganjur bersama resolusi Asean mengenai Kampuchea di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini.

Ini diikuti pula oleh kenyataan Menteri Luar Australia, Encik Bill Hayden terhadap Menteri Luar Singapura Encik S. Dhanabalan yang mengancam pendirian Australia.

Encik Hayden menyeru supaya semua pasukan asing berundur dari Kampuchea dengan mengatakan bahawa mereka harus mencapai satu penyelesaian politik.

Mencegah

Bagaimanapun beliau tidak mengutuk pencerobahan dan seterusnya pendudukan Vietnam di negara itu.

Tan Sri Ghazali berkata Asean kecewa dengan sikap Australia yang tidak mempertimbangkan kehadiran hampir 200,000 pasukan tentera di Kampuchea akibat pencerobahan itu.

Menteri itu berkata bahawa Asean ingin mencegah perkara seumpama itu daripada menjejaskan perhubungan dua hala yang erat antara negara-negara Asean dan Australia.

Mengenai rancangan Encik Hawke untuk melawat negara Thai, beliau berkata Asean tidak bercadang untuk menetapkan syarat-syarat bagi lawatan itu.

"Kami tidak dapat menerima sokongan Australia kepada Vietnam, tetapi kami tidak membantah ia memberikan bantuan peri kemanusiaan," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia